"Kami sebenarnya tidak dibenarkan pulang ke rumah lagi sehingga Selasa ini kerana menurut maklumat pihak berkuasa di pusat pemindahan sementara (PPS), akan berlaku hujan lebat berserta banjir sehari dua ini.

"Namun, kami terpaksa mengemas dahulu apa yang patut, termasuk mencuci barang yang masih boleh digunakan sebelum disimpan di tingkat atas nanti.

"Bagaimanapun, 30 peratus barangan yang ada rosak dan terpaksa dibuang. Banjir kali ini juga berlumpur tebal, jika barangan tidak dicuci segera, lumpur berkenaan tidak akan dapat hilang dan barangan selalunya terpaksa dibuang begitu saha-ja," katanya.



*Siti Salimah (kanan) dan Roslina, serta keluarga membersih dan membasuh peralatan rumah yang masih boleh digunakan sebelum banjir gelombang kedua diramal melanda.* (Foto Farid Noh/BH)

### Penduduk tak tidur lena

Sementara itu, adik Siti Salimah, Roslina, 40, berkata dia membantu keluarga kakaknya membasuh dan membersihkan peralatan serta kelengkapan yang masih boleh digunakan sebelum banjir melanda semula.

Katanya, penduduk memang risau dan tidak tidur lena kerana kemungkinan banjir gelombang kedua berlaku susulan hujan lebat berterusan yang dijangka sehingga Selasa ini di Kota Tinggi.

"Oleh sebab itulah kami kena buat kerja pembersihan dengan pantas sebelum menyimpannya di tingkat atas sebelum hujan lebat dan banjir semula," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JUMLAH MANGSA BAH DI JOHOR MENINGKAT | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 JAN 2025 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Jumlah mangsa bah di Johor meningkat

**Kuala Lumpur:** Jumlah mangsa banjir yang berlindung di pusat pemindahan sementara (PPS) di Johor terus meningkat manakala di Perak dan Terengganu kekal sejak malam kelmarin.

Di **JOHOR**, jumlah mangsa melonjak kepada 3,449 orang setakat 8 pagi semalam, berbanding 2,524 orang direkodkan malam kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Tan Sri Dr Azmi Rohani memaklumkan kesemua mangsa daripada 1,023 keluarga itu ditempatkan di 36 PPS yang beroperasi di lima daerah terjejas.

"Kota Tinggi menjadi daerah paling teruk terjejas dengan 1,160 mangsa dipindahkan ke PPS, diikuti Kulai (748), Johor Bahru (605), Kluang (506) dan Pontian (430)," katanya.

Beliau berkata tiga sungai dilaporkan melepasi paras bahaya iaitu Sungai Lenik di Ladang Chaah, Batu Pahat dengan bacaan 6.03 meter (m), Sungai Kahang di Kampung Contoh, Kluang (15.75 m) dan Sungai Siam di Kampung Sungai Siam, Kulai (21.07 m).

> "Kota Tinggi paling teruk terjejas dengan 1,160 mangsa dipindah ke PPS"
> Dr Azmi

Jalan Mawai Lama (Rumah Burung) di Kota Tinggi, katanya, masih ditutup sepenuhnya kepada semua jenis kenderaan.

Di **PERAK**, Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dalam kenyataan memaklumkan jumlah mangsa banjir pagi semalam kekal seperti malam kelmarin dengan 30 orang daripada lapan keluarga berlindung di PPS Sekolah Agama Rakyat Padang Serai di Beruas, Manjung.

"Kesemua mangsa yang berlindung di PPS berkenaan sejak Khamis lepas adalah penduduk dari Kampung Padang Serai, Kampung Kasi serta Kampung Pengkalan Damar," menurut kenyataan itu.

Jabatan Pengairan dan Saliran Perak memaklumkan paras air Sungai Rui di daerah Hulu Perak mencatat paras berjaga-jaga iaitu 165.43 m berbanding paras normal 165.10 m.

Jabatan Kerja Raya Perak pula memaklumkan laluan A175 Jalan Selat-Pulau Pebayan di Perak Tengah masih ditutup kepada semua kenderaan berikutan laluan itu dinaiki air setinggi 0.8m.

Di **TERENGGANU**, Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Banjir Negeri memaklumkan jumlah mangsa banjir kekal 16 orang pagi semalam dengan kesemuanya ditempatkan di PPS Balai Raya Kampung Geliga Pantai di Kemaman yang dibuka 10 malam kelmarin.

Berdasarkan laman web *https://publicinfobanjir.water.gov.my/*, hanya Sungai Besut di Jambatan Keruak, Besut melepasi paras bahaya iaitu 35.64 m.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FLOOD EVACUEES RISE IN JOHOR | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 13 JAN 2025 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

KOTA TINGGI WORST HIT

# Flood evacuees rise in Johor

**KOTA TINGGI:** The flood situation in Johor worsened, with 3,786 families sheltering in 37 temporary flood relief centres in five districts up to 5pm yesterday.

Kota Tinggi is the worst-hit district, with 13 relief centres housing 1,174 evacuees, mostly from Taman Aman and Taman Mawai.

Flood evacuees also rose in Johor Baru, Kulai, Pontian and Kluang.

State Disaster Management Committee chairman Tan Sri Dr Azmi Rohani said Kota Tinggi was prone to floods and the water took time to recede as it was a low-lying area.

He said another factor is that 65 per cent of its border is surrounded by the sea.

He said the Meteorological Department (MetMalaysia) has forecast heavy rain in Batu Pahat and Mersing.

In Johor Baru, 768 flood victims were taking shelter at five relief centres. The worst-hit areas were Kampung Kangkar Tebrau, Kampung Paya Kenangan and Kampung Pasir, with 343 victims.

Kulai had 735 evacuees, Pontian had 566 and Kluang had 546.

Sungai Kahang in Kluang remained at the danger level. Sungai Lenik in Batu Pahat, Sungai Sayong in Kampung Siam, Kulai, and Sungai Skudai in Kampung Pasir, Johor Baru, also reached the danger level.

"Four rivers are at the alert level — Sungai Muar in Segamat, Sungai Skudai in Kampung Laut, Sungai Tiram in Johor Baru and Sungai Johor in Kota Tinggi," Azmi said.

In **Perak**, Bernama reported that the Manjung District Disaster Management Committee Secretariat recorded an increase in flood victims.

It said 31 people from nine families were taking shelter at relief centres, up from 30 people from eight families in the morning.

"The evacuees are from Kampung Padang Serai, Kampung Kasi and Kampung Pengkalan Damar," the secretariat said.

The Perak Irrigation and Drainage Department said the water level of Sungai Rui in Hulu Perak was at the alert level of 165.43m. MetMalaysia forecast rain for all 12 districts in Perak yesterday evening.

# Kanak-kanak tiga tahun cari bapa kandung



NUR Nabila Ab Razak menunjukkan sijil kelahiran Muhammad Arrayan Fattah Abd. Aziz, di Pontian Besar, Pontian, Johor.

Oleh MUHAMMAD ZIKRI 12 Januari 2025, 1:24 pm

PONTIAN: Seorang wanita memohon bantuan orang ramai bagi mengesan bapa kandung kepada seorang kanak-kanak lelaki yang dipelihara sejak tiga tahun lalu.

Nur Nabila Ab. Razak, 30, memerlukan surat pengesahan daripada bapa kandung kepada Muhammad Arrayan Fattah Abd. Aziz untuk diambil sebagai anak angkat yang sah.

Katanya, walaupun telah menerima surat penyerahan dari ibu Arrayan, Noriah Mat Nor, namun pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) masih memerlukan surat daripada bapa kandungnya.

Menurut Nur Nabila, ini kerana pada sijil kelahiran Arrayan tercatat nama bapa kandungnya, Muhammad Shahrul Imran Mohamed Shamsudin, ketika itu berusia 24 tahun pada tahun 2021.

“Arrayan diserahkan oleh ibunya ( Noriah ) kepada saya pada 7 Julai 2022 ketika bayi tersebut berusia 11 bulan di alamat no 9. Jalan Usrah, Sg. Kluang Rengit, Batu Pahat,” katanya ketika ditemui di Kampung Pontian Besar, disini, baru-baru ini.

Tambah Nur Nabila, dia mengenali Noriah ketika bekerja di sebuah kilang di Johor Bahru pada tahun 2018-2019 sebelum berhenti berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2019.

“Tidak pasti bagaimana Noriah masih mencari saya untuk menyerahkan anaknya kepada saya yang berusia 11 bulan, tanpa ditemani oleh Muhammad Shahrul Imran,” katanya.

Katanya, selepas proses penyerahan Arrayan di JKM Pontian pada tahun 2022, Noriah terus menghilang diri tanpa dapat dikesan dan cubaan untuk menghubungi melalui panggilan telefon juga gagal.

“Manakala Muhammad Shahrul Imran mengikut nombor kad pengenalan berasal dari Kelantan, namun dikatakan adalah rakyat Thailand, tidak tahu yang mana betul,” tambahnya.

Jelasnya, memandangkan Arrayan semakin membesar, di berharap akan mendapat pengesahan anak angkat yang dikeluarkan oleh JKM bagi urusan dokumentasi dan sebagainya.

Orang ramai yang mengetahui di mana Muhammad Shahrul Imran boleh menghubungi Nur Nabila Ab Razak menerusi talian 013-5553641 dan ibunya, Noraini Mohd Yasin (011-70286023) atau alamat rumah No 2A- Jalan Keramat Panjang, Pontian Besar, Pontian. – UTUSAN

# Ziarah Kasih: JPKKP assisted 650 families in Padang Besar last year

Highlights - Dicipta: 12 Januari 2025 11:25 AM - Kemas kini: 12 Januari 2025 11:25 AM



*Photo by RTM*

***BESERI, Jan 12-*** After a year of leading the Federal Village Development and Security Committee (JPKKP), the role and responsibilities entrusted continue to be a priority.

Through JPKKP, more than 650 families were supported throughout 2024 through the Ziarah Kasih program involving 122 JPKKP areas in Padang Besar.

For the Padang Besar UMNO Division Chief, Ruzaini Rais, with the strong support of community-level leaders, efforts to track those in need of assistance are easier via house-to-house visits.

The focus is given through Ziarah Kasih on homeless patients, senior citizens, those who have family members involved in accidents, natural disasters, especially storms and floods, as well as the education of underprivileged children as well as issues related to infrastructure facilities.

"The JPKKP meets every two months to see or monitor the development of each house in the branch or JPKKP area.

"So all information will be collected in the meeting, as well as the list of names of those in need of assistance.
"Because of that, our management will continue to monitor based on the data and guidelines that have been taken by the JPKKP," he said.

He announced this while visiting two families of residents facing health problems around Kampung Batu Hampar, Beseri.

The Ziarah Kasih program is carried out periodically and is an important platform to strengthen good relationships with each other as well as obtaining the latest information on the situation of those who need assistance, be it short-term or periodic assistance.

To ensure that the welfare of those who receive assistance continues to be protected, the committee will collaborate with the Perlis Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIPs) and the Social Welfare Department as some of those visited need continuous assistance to carry out their daily lives.

# 'Inisiatif wanita banyak berkembang di bawah Hajiji'

Published on: Sunday, January 12, 2025
By: Sherell Jeffrey



Azizah berkata Kerajaan Sabah telah memperuntukkan pembiayaan besar untuk program pembangunan wanita dalam Belanjawan Negeri 2025.

**PUTATAN:** Inisiatif pemerkasaan wanita di Sabah banyak berkembang di bawah kepimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor.

"Kerajaan Sabah sekarang mengiktiraf wanita sebagai pencetus perubahan penting dalam pembangunan Sabah," kata Pengerusi Institut Kajian Pembangunan (IDS) Sabah, Datuk Seri Azizah Mohd Dun.

Beliau berkata demikian pada Sesi Townhall Belanjawan Wanita Sabah 2025 yang dihadiri kira-kira 100 peserta, kebanyakannya wanita, di sini, Sabtu.

"Di bawah kepimpinan Hajiji, Belanjawan Negeri 2025 meletakkan pembangunan wanita sebagai salah satu keutamaannya, memberi perhatian khusus kepada pembangunan wanita sebagai langkah untuk memastikan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan, selaras dengan tema Sabah Makmur, Rakyat Sejahtera," tambahnya.

Acara "Memperkasa dan Memartabatkan Wanita Melalui Keterangkuman" itu, yang dianjurkan bersama oleh IDS dan Jawatankuasa Inisiatif Kepimpinan Wanita, bertujuan untuk memperkukuh agenda pembangunan wanita di Sabah, menumpu kepada peruntukan khas dan peluang ekonomi yang digariskan dalam Belanjawan Negeri 2025.

Azizah berkata Kerajaan Sabah telah memperuntukkan pembiayaan besar untuk program pembangunan wanita dalam Belanjawan Negeri 2025.

"Sebanyak RM9.73 juta diperuntukkan kepada Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (Jhewa), meningkat 55.18 peratus daripada peruntukan tahun sebelumnya.

"Pembiayaan ini akan menyokong pelbagai inisiatif, termasuk program kesedaran mengenai perkahwinan awal kanak-kanak, pembangunan keusahawanan wanita dan perkhidmatan klinik guaman.

"Selain itu, sebanyak 186 pertubuhan bukan kerajaan di bawah Jhewa akan menerima geran untuk meneruskan kerja mereka dalam pemerkasaan wanita," katanya.

Beliau berkata Belanjawan Negeri 2025 turut merangkumi RM11.6 juta yang diperuntukkan kepada Yayasan Usaha Maju (YUM) bagi memperluaskan program kredit mikro kepada usahawan wanita dalam industri kecil dan sederhana.

"Ini adalah peningkatan 5.4 peratus daripada peruntukan 2024," tambahnya.

"Satu inisiatif baharu yang ketara ialah Program Keusahawanan Wanita Muda yang akan menerima pembiayaan RM10 juta.

"Program yang direka sebagai projek perintis ini akan menawarkan pinjaman mikro pada kadar faedah kompetitif kepada usahawan wanita muda," katanya, sambil menambah pembiayaan disediakan oleh Kerajaan Sabah dan Perbadanan Pinjaman Sabah, masing-masing menyumbang RM5 juta.

Beliau berkata walaupun Belanjawan Negeri 2025 menunjukkan peningkatan dalam peruntukan untuk inisiatif wanita, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam mewujudkan sistem sokongan yang komprehensif untuk wanita bekerja.

"Apabila kita bercakap tentang pemerkasaan wanita, adalah penting untuk mempunyai sistem sokongan yang betul," katanya.

Beliau juga bercakap tentang keperluan untuk perubahan dalam persepsi orang ramai terhadap wanita, selain menyebut stereotaip berterusan wanita hanya pandai membuat bising atau berada di dapur.

"Dalam banyak ekosistem, termasuk Sabah, wanita sering menghadapi pelbagai halangan untuk berjaya, termasuk diskriminasi dan akses terhad kepada pendidikan dan peluang pekerjaan.

"Pemerkasaan wanita bermakna menghapuskan halangan ini, menyediakan peluang sama dan memastikan semua pihak boleh menyumbang tanpa mengira jantina," katanya, menambah wanita merangkumi 50 peratus penduduk dan merupakan penyumbang penting kepada pembangunan Sabah.

Beliau berkata di Sabah, kadar penyertaan tenaga buruh wanita adalah 56.9 peratus berbanding lelaki 83.7 peratus pada 2022, menambah walaupun data menunjukkan wanita aktif dalam sektor pekerjaan, pembabitan mereka dalam kepimpinan peringkat tinggi dan penggubalan dasar masih terhad.

Mengenai Sesi Townhall itu, beliau berkata ia bertujuan memberi maklumat terperinci mengenai peruntukan bajet kepada kumpulan sasar tertentu, termasuk usahawan, ibu tunggal dan wanita muda.

"Kita tidak mahu peruntukan kerajaan terbiar tanpa digunakan semata-mata kerana kumpulan sasar tidak menyedari kewujudannya.

"Melalui Townhall ini, kami mahu peserta mengetahui belanjawan secara terperinci dan mencadangkan perkara penting bagi memastikan peruntukan dilaksanakan dengan berkesan," katanya.

Beliau mengulangi gesaannya agar penubuhan Kementerian Wanita berdedikasi untuk terus memperkukuh perwakilan dan pembangunan wanita di negeri ini.

"Terpulang kepada kita untuk membuktikan kemampuan kita. Kita boleh bersuara tetapi kita juga mesti menunjukkan keupayaan kita untuk bekerja dan membawa kejayaan bukan sahaja kepada diri kita sendiri, tetapi kepada keluarga kita dan Negeri kita," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ASSOCIATION CONTINUES DECADES-LONG TRADITION OF HELPING UNDERPRIVILEGED | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 13 JAN 2025 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Association continues decades-long tradition of helping underprivileged



Fatimah (third right) presents an angpow to a recipient, witnessed by Sih (right), Ng (fourth right) and others. — Photo by Kentigern Minggu

**KUCHING:** Thong Sim Siang Tng Association Sarawak yesterday donated essential food items to 250 recipients at their premises here, as part of efforts to help the less-privileged dating back over 50 years.

Officiating at the event was Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah, who praised the association for their decades-long efforts.

"This organisation has been helping the less fortunate for 57 years. Their efforts ensure that low-income families always have food on the table.

"Our Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg consistently emphasises that Sarawakians must have food on their tables," she said when speaking at the event, held in connection with the upcoming Chinese New Year celebration.

Fatimah also highlighted that the organisation provides food aid to all communities regardless of religion or ethnicity during every festive season.

In this regard, she said Sarawakians are fortunate to receive assistance from various associations during each festive season.

"This is the true spirit that unites us in Sarawak, fostering harmony and togetherness among everyone," she added.

The event included the distribution of essential items such as rice packets, diapers, 'angpow' (red cash envelopes), and other necessities to low-income families.

Additionally, educational assistance was presented to three students from underprivileged families.

"As a former teacher, I view such assistance as vital, as it underscores the importance of education for our children.

"In the past, we would be concerned if children missed school. We also want to ensure that our children do not have to incur debts to pursue their education," said Fatimah.

She further emphasised the importance of fostering strong collaboration between the state government and non-governmental organisations in Sarawak to effectively address the needs of underprivileged communities.

Among those present were Thong Sim Siang Tng Association Sarawak chairman Ng Kok Yean, advisor Sih Hua Tong, and a representative of the event's main sponsor, Lee Jew Kiun.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA DIBERKAS BERSAMA KEKASIH | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 JAN 2025 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

**DERA BUDAK SAMPAI MATI**

# *Wanita diberkas bersama kekasih*

**Ampang:** Polis menahan wanita dan teman lelakinya yang dipercayai mendera hingga menyebabkan kematian kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang juga anak wanita terbabit dalam kejadian di Taman Bukit Ampang di sini, Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, kedua-dua suspek ditahan di Jalan Zamrud, Taman Bukit Ampang, di sini, pada 5.17 petang, Jumaat lalu.

Menurutnya, wanita itu menghubungi Pusat Kawalan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya memberitahu anaknya tidak sedarkan diri pada 2.36 petang, Jumaat lalu sebelum anggota bertugas diarah ke lokasi untuk tindakan lanjut.

"Mangsa adalah kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun dipercayai didera oleh ibu kandung dan teman lelaki. Mangsa mengalami kecederaan seperti kesan lebam pada muka, leher, tangan dan kaki.

"Mangsa meninggal dunia di rumah dan dibawa ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk dibedah siasat. Hasil bedah siasat mendapati punca kematian adalah pendarahan di dalam kepala," katanya.




■ LAPORAN Metro Ahad, semalam.

Katanya, mangsa dipercayai dipukul dengan objek keras dan tumpul secara berulang namun siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengenal pasti sudah berapa lama kanak-kanak itu didera.

"Kedua-dua suspek berusia 36 dan 25 tahun direman selama tujuh hari bermula Sabtu hingga 17 Januari depan. Saringan ujian air kencing mendapati suspek lelaki positif dadah dan hasil semakan juga mendapati lelaki itu mempunyai tiga rekod lampau," katanya.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK : | IBU, TEMAN LELAKU DISYAKI DERA BUDAK KENA REMAN 7 HARI | | | |
| HARI : | ISNIN | | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 13 JAN 2025 | | M/SURAT : | 15 |
| TONE : | NEGATIF | | SEKTOR : | KPWKM |

# Ibu, teman lelaki disyaki dera budak kena reman 7 hari

**Kuala Lumpur:** Polis menahan sepasang kekasih disyaki mendera sehingga menyebabkan kematian seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang juga anak suspek wanita, di sebuah rumah di Taman Bukit Aman, Ampang, dekat sini.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail, berkata terdahulu pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada wanita terbabit pada jam 2.36 petang Jumaat lalu yang memaklumkan bahawa anaknya yang sedang tidur didapati tidak bernafas.

Susulan aduan itu, beliau berkata, sepasukan anggota polis dikerah ke lokasi untuk tindakan awal.

Katanya, pasukan kemudian mendapati seorang kanak-kanak lelaki berada dalam keadaan tidak sedarkan diri sebelum disahkan meninggal dunia oleh anggota paramedik yang turut hadir ke lokasi.

"Hasil siasatan awal mendapati kanak-kanak itu dipercayai didera oleh ibu kandung dan teman lelakinya di rumah.

"Hasil pemeriksaan awal juga mendapati ada beberapa kesan kecederaan, termasuk lebam di bahagian muka, leher, tangan dan kaki kanak-kanak itu," katanya dalam satu kenyataan, malam kelmarin.

Berikutan itu, Mohd Azam berkata, ibu mangsa bersama teman lelakinya, masing-masing berusia 36 dan 25 tahun, ditahan di Taman Bukit Ampang pada jam 5.15 petang hari yang sama kerana disyaki mendera kanak-kanak terbabit.

"Hasil siasatan mendapati ibu mangsa tidak bekerja, manakala teman lelakinya bekerja sebagai jurujual.

"Selain itu, hasil ujian saringan air kencing menunjukkan suspek lelaki positif dadah jenis amphetamine dan methamphetamine, namun suspek wanita didapati negatif," katanya.

Beliau berkata, keputusan bedah siasat mayat mangsa di Hospital Kuala Lumpur (HKL) pula menunjukkan mangsa meninggal dunia akibat pendarahan di dalam kepala.

"Kecederaan itu disyaki berpunca daripada pukulan dengan objek keras dan tumpul secara berulang," katanya.

Mohd Azam berkata, kedua-dua suspek kini direman tujuh hari bermula kelmarin hingga 17 Januari untuk siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan, iaitu membunuh.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS TUNGGU ARAHAN TINDAKAN LANJUT | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 JAN 2025 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

BAYI 4 BULAN MAUT DI TASKA

# Polis tunggu arahan tindakan lanjut

**Shah Alam:** Polis menahan seorang pengasuh sebuah taman asuhan kanak-kanak (taska) dipercayai berkait kes kematian bayi lelaki berusia empat bulan pada 3 Januari lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat Superintendan Akmalrizal Radzi bagaimanapun berkata, wanita warga tempatan berusia awal 30-an itu telah dilepaskan dengan jaminan polis.

"Pihak polis kini sedang menunggu arahan timbalan pendakwa raya untuk tindakan selanjutnya," katanya ringkas ketika dihubungi Bernama, semalam.

Kelmarin, beliau dilaporkan berkata, siasatan awal mendapati terdapat unsur kecuaian atau pengabaian oleh pengasuh tersebut yang didapati telah meninggalkan mangsa tanpa pemantauan sewajarnya dalam tempoh yang lama.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor Azmir Kassim sebelum ini dilaporkan berkata, taska yang dipercayai terbabit dalam kes kematian bayi itu telah diarahkan tutup pada Selasa lalu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CHILDCARE CENTRE BABYSITTER HELD | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 13 JAN 2025 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

DEATH OF INFANT

# Childcare centre babysitter held

**SHAH ALAM:** Police have arrested a babysitter at a childcare centre who is believed to be involved in the death of a 4-month-old baby boy on Jan 3.

Kuala Langat police chief Superintendent Akmalrizal Radzi said the Malaysian woman, in her 30s, had been released on police bail after police recorded her statement.

"We are waiting for instructions from the deputy public prosecutor for further action," he said yesterday.

On Saturday, Akmalrizal said an initial investigation by the police found that there was an element of negligence in the case.

The babysitter was found to have left the victim without proper monitoring for a long time.

The centre was ordered to close by the Selangor Welfare Department on Jan 7. **Bernama**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BABYSITTER AT CHILDCARE CENTRE ARRESTED OVER DEATH OF FOUR-MONTH-OLD BOY | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 13 JAN 2025 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Babysitter at childcare centre arrested over death of four-month-old boy

**SHAH ALAM:** The police have arrested a babysitter at a childcare centre who is believed to be involved in the death of a four-month-old baby boy on Jan 3.

Kuala Langat police chief Supt Akmalrizal Radzi said the babysitter, a local woman in her 30s, was released on police bail after her statement was recorded.

"We are now waiting for instructions from the Deputy Public Prosecutor for further action," he said when contacted yesterday. — Bernama